

**FILOLOGI INDONESIA: TEORI DAN METODE (Edisi Revisi).** Oleh Oman Fathurahman. 2021. Prenadamedia Group: Jakarta. Halaman 206. ISBN 978-602-1186-28-2.

Buku yang ditulis oleh Oman Fathurahman ini dapat dianggap sebagai satu bacaan pengantar yang sederhana tetapi cukup penting, terutama sekali untuk mereka yang ingin mengenali dan memahami apakah yang dimaksudkan dengan bidang atau kajian filologi. Buku ini pernah diterbitkan pertama kali pada tahun 2015. Edisi 2021 merupakan hasil terbitan terbaharu atau edisi revisi, yang jika dibandingkan secara kasar kelihatan sama dengan edisi yang terawal. Namun, dalam edisi revisi (2021) ini disediakan kata pengantar baharu. Dengan itu, buku ini masih kekal memuatkan 7 bab perbincangan dengan sejumlah pembaikan dan penambahan, yang menyentuh subjek penting dan mendasar dalam bidang filologi. Tujuh buah topik yang dimaksudkan itu ialah, (1) bab pendahuluan yang menyentuh soal khazanah manuskrip secara umum, (2) takrifan dan skop bidang filologi, (3) naskhah atau manuskrip sebagai objek kajian filologi, (4) sejarah perkembangan pengkajian dan ilmu filologi, (5) teori, kaedah dan alur pengkajian filologi, (6) kodikologi dan paleografi, serta (7) pengkatalogan dan pendigitalan manuskrip. Dari segi susunan kandungan, buku ini menonjolkan kelainan idea pengarangnya membawakan topik-topik perbincangan yang lebih sesuai dengan perkembangan kesarjanaan semasa, jika dibandingkan dengan beberapa buku filologi lain yang bersifat pengantar.

Hal yang demikian adalah jelas oleh kerana Oman menulis buku ini atas dorongan ketiadaan rujukan khusus pengajian filologi yang mutakhir untuk digunakan oleh mahasiswanya. Oleh sebab itu, kelahiran buku ini cukup relevan sebagai teks dasar pengajian filologi, dengan sifat penulisannya yang dibangunkan daripada bahan kuliah. Buku ini tidak bersifat teknikal atau panduan (*handbook*), tetapi lebih kepada sebuah “pencerahan” (hlm. 65) berhubung pelbagai aspek kajian manuskrip dengan merangkumkan beberapa aspek kaedah dan teori yang perlu diketahui oleh pelajar dan pengkaji dalam bidang filologi.

Oman Fathurahman merupakan pakar filologi Indonesia yang tidak asing. Beliau merupakan Profesor Filologi di Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta. Oman menerima ijazah sarjana muda dalam bidang Bahasa dan Sastra Arab di UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta (1994). Setelah itu, beliau memperolehi biasiswa melanjutkan pengajian sarjana bidang filologi di Universitas Indonesia (1998), dan kemudian ijazah kedoktoran di universiti yang sama tahun 2003. Oman pernah menjadi Ketua Umum Masyarakat Pernaskahan Nusantara (MANASSA), sebuah organisasi terkemuka di Indonesia yang menjadi platform kesarjanaan kajian filologi dan manuskrip. Selain itu, beliau turut merupakan editor jurnal *Studia Islamika* di samping pernah menerima biasiswa penyelidikan. Antaranya ialah, Chevening Fellowship di Oxford Center for Islamic Studies, selain menjadi profesor pelawat di Tokyo University of Foreign Studies, Jepun. Beberapa karya penting lain yang dihasilkannya ialah seperti *Tanbih al-Masyi: Menyoal Wahdatul Wujud* (1999) dan *Ithaf al-Dhaki: Tafsir Wahdatul Wujud bagi Muslim Nusantara* (2012), yang jelas menggunakan pendekatan filologi.

Dalam buku ini, Oman memulakan persoalan dengan bab pendahuluan (halaman 1-10) yang mengemukakan beberapa konsepsi dasar tentang ilmu filologi. Antaranya, dijelaskan bahawa filologi adalah bidang pengajian yang memberikan fokus yang istimewa terhadap pembacaan manuskrip, atau “*philology is about reading manuscripts*” (hlm. 3). Dengan itu, mereka yang bekerja dalam bidang ini perlu banyak dan sentiasa membaca manuskrip. Perkara kedua yang perlu dilakukan ialah mendialogkan kandungan manuskrip dengan bidang ilmu yang terkait. Teks manuskrip jika menurut Oman tidak cukup dengan hanya diertikan dan difahami selaku

teks semata-mata, bahkan harus diperjelaskan dengan konteks dan unsur yang mempengaruhi penghasilannya. Analisis kontekstual melibatkan pelbagai disiplin ilmu yang lain pula, untuk “membunyikan” teks menurut konteksnya (hlm. 4). Dalam hal ini Oman mendapati khazanah manuskrip alam Melayu memberikan tarikan penting sebagai bahan kajian. Kekayaan bahan-bahan manuskrip ini menghadirkan pelbagai informasi tentang pemikiran, sejarah, kehidupan dan perilaku masyarakat masa lampau yang dibangunkan daripada tradisi yang amat panjang. Namun bagi Oman, kekayaan itu turut dipertontonkan dalam kajian filologi hari ini menerusi manuskrip bersifat keagamaan (Islam) yang mengungkapkan aspek-aspek budaya setempat. Penghayatan Islam menerusi akulturasi lokal yang didekati Oman dapat ditinjau dengan lebih jauh, jika diperhatikan menerusi bukunya (2012) yang telah disebutkan sebelum ini.

Dalam bab kedua yang berjudul ‘Apa Itu Filologi’ (halaman 11-20) pula merupakan sebuah pertanyaan khusus penulisnya berhubung tiga perkara utama yang dibincangkan, iaitu takrif terhadap istilah ‘filologi’ itu sendiri, pemahaman epistemologi mengenainya, dan juga tugas atau peranan yang harus dimainkan oleh seorang ahli filologi. Oman menyatakan jawapannya betapa filologi dimaksudkan sebagai kegemaran terhadap (memahami) kata-kata atau siasatan ilmiah mengenainya sehingga menghasilkan kajian terhadap teks-teks bertulis tangan dengan cara menelusuri sumber teks, kesahan, ciri, dan sejarah transmisi teks tersebut. Dalam hal ini, filologi adalah benar-benar merupakan sebuah proses dan kerja pembacaan teks, yang pada akhirnya bertujuan untuk membolehkan teks direpresentasi kepada khalayak dan ditafsirkan maknanya (Stobbe, 2014). Justeru itu Oman amat bersetuju dengan pernyataan Stuart Robson (1988), bahawa ahli filologi bekerja untuk menjambatani kesenjangan komunikasi di antara pengarang teks masa lampau dengan pembaca masa sekarang. Tugas ini dilakukan menerusi pelbagai kaedah dan teknik penelitian agar sebuah teks lama dapat diakses, dinikmati, serta dihayati oleh lebih ramai khalayak pembaca kini.

Wacana selanjutnya pula berkisar tentang objek kajian filologi itu sendiri iaitu manuskrip. Dalam bab ‘Naskah: Objek Kajian Filologi’ (halaman 21-30), Oman menggambarkan secara terperinci erti manuskrip atau naskhah sebagai hasil salinan yang bukan berbentuk inskripsi, sebaliknya ialah lembaran bertulis tangan (hlm. 22). Hal ini adalah kesinambungan bagi apa yang telah dikatakannya dalam bab dua tentang erti filologi, yang dirujuk sebagai teks tertulis (“investigasi ilmiah atas teks-teks tertulis tangan,” hlm. 13). Beliau juga menjelaskan konsep-konsep teks sebagai sumber primer yang paling autentik untuk menghubungkan masa lampau dengan sekarang. Manuskrip digunakan untuk membayangkan masa lampau, daripada proses penyalinan teks yang berulang-ulang. Bayangan seperti yang dimaksudkan Oman merujuk kepada tradisi tulis manuskrip berkenaan, iaitu dari segi isi penulisannya (teks), cara isi itu ditulis, bahan yang digunakan untuk menulis, sebab-sebab ia ditulis, kepada siapa ia ditulis, begitu juga cara bagaimana manuskrip sampai pada waktu sekarang, dan selanjutnya (hlm. 24). Bagi Oman, dalam mengungkapkan sumber-sumber ini, masih banyak manuskrip alam Melayu yang belum dimanfaatkan bahkan dikaji sebaik-baiknya.

Bab keempat, iaitu ‘Sejarah Perkembangan Studi Naskah dan Ilmu Filologi’ (halaman 31-64) merupakan bab yang agak panjang. Bab ini merupakan teras perbincangan dalam mendekati kefahaman pembaca berkenaan asal-usul kajian filologi sebagai suatu bidang pengajian masa kini. Oman merujuk kerja-kerja para pustakawan Alexandria pada abad ke- 4 dan 5 Sebelum Masehi sebagai titik awal berkembang pengajian filologi yang kemudian diteruskan pada zaman sarjana Rom dalam abad pertama Masehi yang mewarisi kerja-kerja penyalinan teks Injil dan tradisi Kristian yang lain. Hal ini turut dikembangkan dengan sumbangan tamadun Islam terutama menerusi kerja-kerja penyalinan dan inventarisasi karya-karya terjemahan oleh

Ibnu Ishaq, sehingga kemudian di ambil alih oleh sarjana Renaisans pada (1300-1600 Masehi). Sungguhpun begitu, isi-isi yang disampaikan itu tidak sepeenting merungkai bagaimana tradisi teks alam Melayu mula diinventarisasi oleh pegawai dan sarjana kolonial berbangsa Eropah terutama menerusi kerja-kerja Ph.S van Ronkel pada tahun (1900). Penekanan utama pengajian filologi sarjana ini jelas berfaktorkan keinginan menguasai bahasa dan pemikiran masyarakat setempat. Justeru, kajian-kajian bahasa biasanya akan lebih mengarah kepada kajian filologi menggunakan sumber-sumber teks setempat yang dipelopori oleh William Marsden, Roorda van Eysingha, Hendrik Kern, atau Juynboll antara tahun (1800-1900 Masehi). Bermula pada awal abad ke-20 baharulah anak-anak tempatan mula mempelajari filologi di universiti Eropah seperti Hussein Djajaningrat dan Poerbatjaraka. Kegiatan filologi yang tersekat kerana Perang Dunia Kedua kemudian berjaya disuburkan kembali pada tahun 1960-an sehingga dapat dikenali pada hari ini. Walau bagaimanapun dalam konteks huraiannya, ternyata Oman sedikit tercicir kerana tidak memberikan fokus yang sepatutnya lebih diperjelaskan berbanding historiografi filologi zaman Yunani dan Rom secara panjang lebar. Hal ini merujuk kepada kupasan tentang tokoh filologi abad ke-19 dan awal abad ke-20 seperti Nietzsche, Karl Lachmann, atau Paul Maas kerana konsep-konsep penting filologi mereka masih terpakai pada hari ini, apatah lagi zaman itu pula merupakan zaman pembaharu bidang filologi. Selain itu, dapat dilihat betapa Oman lebih memperhatikan sumbangan pengaruh kajian bahasa Arab dan agama (Islam) dan membawakan arah aliran baharu kajian di Indonesia, khususnya Nabilah Lubis pada era 1990-an.

Berdasarkan latar sejarah yang telah dikemukakannya, Oman membicarakan bab kelima yang berjudul ‘Teori, Metode dan Alur Penelitian Filologi’ (halaman 65-108). Bab ini merupakan teras kupasan teori dan kaedah filologi, sekaligus menjadi bahagian tulisan Oman yang paling panjang. Beliau memecahkan bab ini kepada empat komponen utama, iaitu filologi dan kritik teks, alur penelitian filologi, metode stema, dan struktur laporan hasil kajian filologi. Dalam komponen pertama, kritik teks (*textual criticism*) dikatakan menjadi dasar bagi kajian filologi untuk menanggapi fenomena penyalinan teks yang rencam, dengan mempelajari bagaimana tradisi teks itu menyebar sehingga dapat ditentukan apakah strategi terbaik untuk mengangkat teks yang berkaitan kepada khalayak pembaca sekarang. Implikasi daripada perbincangan itu, Oman menghuraikan dalam komponen yang kedua berkenaan strategi-strategi yang diaplikasi menerusi alur penelitian atau langkah-langkah penelitian yang digariskan secara prosesual, iaitu: (1) penentuan terhadap teks yang ingin dikaji, (2) melakukan inventarisasi manuskrip-manuskrip yang terlibat, (3) mendeskripsikan manuskrip, (4) memperbandingkan manuskrip dan teksnya, (5) melakukan suntingan teks, (6) menterjemahkan teks, dan (7) menganalisis isi kandungannya. Seluruh proses yang dijelaskannya merupakan gambaran umum teknik kajian filologi. Oman turut menarik perhatian pembaca menerusi komponen ketiga diskusinya, iaitu mengenai metode stema. Metode ini merupakan tradisi dan teras kajian filologi yang pernah dipopularkan oleh Lachmann dan Maas untuk menggali serta merekonstruksi asal mula teks, namun akhir-akhir ini dikatakan mempunyai banyak masalah aplikasi teks-teks Alam Melayu. Meskipun Oman seperti membayangkan timbul banyak masalah dalam metode salasilah teks ini, pada hakikatnya penggaluran tekniknya turut merupakan improvisasi yang turut tertakluk kepada kedudukan teks itu sendiri (Trovato, 2014). Justeru, fenomena penyalinan teks Alam Melayu yang dikatakan rumit amat diberikan sambutan oleh Oman, khasnya menerusi konsep “ijtihad naskah” beliau (hlm. 92-93). Dalam komponen terakhir pula, Oman menggariskan struktur penulisan laporan kajian untuk diikuti, bermula dengan (1) pendahuluan, (2) konteks umum yang melatari teks kajian, (3) manuskrip yang dikaji, (4) kritik teks, (5) pembahasan tentang manuskrip dan isi teks, dan (6) huraian tentang teks dari segi konteksnya.

Dalam bab keenam, iaitu ‘Kodikologi dan Paleografi’ (halaman 109-140) Oman memberikan pendedahan tentang kepentingan memahami keadaan dan bentuk fizikal manuskrip. Kedua-dua komponen ini tidak begitu dibincangkan dengan detil seperti bab-bab sebelumnya, tetapi Oman turut menekankan bahawa pengetahuan kodikologi dan paleografi dapat memberikan pemahaman yang lebih utuh terhadap teks. Dalam bab ini, dibincangkan beberapa karya yang dianggap penting dan berfokus kepada kodikologi (pengajian tentang sifat fizikal manuskrip), di samping memberikan tumpuan ke atas kertas sebagai salah satu aspek wacana kodikologi. Oman kemudian mengupas aspek paleografi atau ilmu tentang tulisan. Dalam bahagian ini, dihuraikan bagaimana paleografi digunakan untuk melihat dan mempelajari tradisi penulisan teks alam Melayu, terutama tulisan jawi yang dianggapnya berkembang kerana intensifikasi islamisasi hasil penyerapan sistem tulisan Arab ke bahasa-bahasa daerah alam Melayu. Hal ini walaupun begitu, tidak sama sekali menolak fungsi-fungsi aksara lokal seperti rencong, kawi, rejang dan lain-lain. Menurut Oman, kurang tepat jika dikatakan bahawa tulisan jawi memulakan tradisi penulisan di alam Melayu. Pada bahagian akhir, Oman mengemukakan 28 istilah teknikal kodikologi dan paleografi yang biasa digunakan dalam bidang filologi, iaitu antaranya *catchword*, *chain line*, *codex*, *colophon*, dan sebagai lagi.

Bab yang terakhir ialah ‘Katalogisasi dan Digitalisasi Naskah Indonesia’ (halaman 141-167), memaparkan bagaimana katalog manuskrip dibangunkan dan berfungsi dalam kajian filologi, begitu juga dengan perkembangan kerja-kerja pendigitalan manuskrip di Indonesia sebagai strategi dokumentasi serta pelestarian sumber teks manuskrip dalam bentuk salinan elektronik agar dapat disimpan secara kekal. Oman berpandangan bahawa katalog penting dalam usaha mengesan atau menginventarisasi manuskrip. Hal ini disebabkan kerana jumlah manuskrip yang semakin banyak ditemui dan direkodkan. Katalog dapat membantu pencarian manuskrip secara lebih cepat. Dalam aspek kedua, Oman melihat bencana alam telah mempercepatkan usaha pendigitalan manuskrip sebagai suatu strategi preservasi yang penting dan berkesan. Pengalaman Indonesia berdepan dengan projek digital bermula dengan kerja-kerja konservasi oleh Nancy Florida (1980-1990-an). Projek ini berjaya menghasilkan salinan mikrofilem bagi sejumlah manuskrip yang tersimpan di tiga buah kraton di Pulau Jawa. Setelah itu, teknologi foto digital menggantikan mikrofilem kerana lebih efisien, dengan projek yang bermula pada tahun 2003 (pasca tsunami Aceh) dan masih berlangsung hingga kini di seluruh Indonesia. Dalam perkembangan ini, pembaca turut diperlihatkan dari segi kemajuan program preservasi manuskrip digital. Menurutnya, kemajuan ini patut memanfaatkan perpustakaan digital bagi memperkukuhkan lagi tradisi kajian filologi. Namun, seperti yang diakui oleh Oman sendiri, program digital manuskrip ternyata menzahirkan pelbagai isu dengan melibatkan kepentingan banyak pihak, termasuk secara politik.

Buku ini turut disertai dengan nota kaki, bibliografi, dan biodata ringkas penulisnya. Terdapat juga sebanyak enam buah ilustrasi termasuk rajah untuk membantu penjelasan beberapa bab yang berkenaan.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa buku ini menggarap sebuah perbincangan yang sederhana tetapi mencukupi mengenai subjek filologi, sesuai dengan tujuannya sebagai teks rujukan yang bersifat pengantar. Penulisan buku ini juga menggunakan bahasa Indonesia yang bersifat umum, dengan bahasa yang lancar dan tanpa menggunakan jargon-jargon rumit, justeru menjadikannya lebih mudah difahami, di samping terdapat istilah teknikal dan konsep dalam bahasa Inggeris yang dapat dibandingkan dengan sumber-sumber lain, misalnya dalam Eliot dan Rose (2020). Buku ini merupakan teks dasar yang harus dibaca oleh mereka yang ingin memulakan pengajian dalam bidang filologi, selain untuk memahami kajian manuskrip

secara umum. Sesuai dengan tingkat permulaan, Oman mengelakkan beberapa hal yang lebih rumit untuk dibincangkan, misalnya mengenai metode stema, disentuh dengan cara bersahaja. Dengan itu, perlu dikatakan bahawa kaedah dan teknik kajiannya tidak digambarkan dengan lebih terperinci dan pelbagai, malah sebaliknya hanya merupakan prinsip-prinsip umum yang boleh disesuaikan berdasarkan kes-kes tertentu. Justeru itu, untuk kesan yang lebih lengkap dan mendalam, buku ini mungkin sesuai dibaca bersama Sangidu (2019) yang lebih bersifat kajian kes menggunakan teks-teks terpilih. Penyampaian Oman yang mudah, lebih bersahaja namun informatif, dapat meletakkan harapan betapa buku ini dapat menarik perhatian bahkan mungkin dapat mencetuskan minat khasnya peneliti muda untuk terus mengharungi samudera pembacaan manuskrip dan pengkajian filologi. Lebih daripada itu, buku ini juga secara lebih tajam membentuk pemahaman dan jangkaan awal tentang dasar dan prinsip pengajian filologi di Indonesia, termasuk mengungkapkan pengalaman mereka dalam menstrukturkan pengajian filologi. Hal ini merupakan sesuatu yang harus dicontohi oleh peneliti di Malaysia.

### **Rujukan**

- Eliot, S., Rose, J., (ed.). (2020). *A Companion to the History of the Book*, ed., 19-30. New Jersey, West Sussex: Wiley Blackwell.
- Oman Fathurahman. (2012). *Ithaf al-Dhaki: Tafsir Wahdatul Wujud bagi Muslim Nusantara*. Jakarta: Mizan.
- Oman Fathurahman. (1999). *Tanbih al-Masyi: Menyoal Wahdatul Wujud*. Jakarta: Mizan.
- Robson, S. (1988). *Principles of Indonesian philology*. Dordrecht: Foris Publications.
- Sangidu. (2019). *Tugas filolog: Teori dan aplikasinya dalam naskah-Naskah Melayu*. Yogyakarta: UGM Press.
- Stobbe, J. (2014). The prospects of philology: Modes of a textual reading. Dalam *The Future of Philology*, ed. Hannes Bajohr, Benjamin Dorvel, Vincent Hessling, Tabea Weitz, 47-62. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing
- Trovato, P. (2014). *Everything you always wanted to know about Lachmann's method*. Padova: Libreriauniversitaria.it.

**Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah**  
**Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi**  
**Eizah Mat Hussain**  
 Akademi Pengajian Melayu,  
 Universiti Malaya.